



25 OCT, 2019

## Sasar eksport 100,000 tan gula ke Asia

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

# Sasar eksport 100,000 tan gula ke Asia

**Kuala Lumpur:** MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) berhasrat mengeksport lebih 100,000 tan produk gula ke Asia menjelang 2021.

Ia merangkumi pengeluaran gabungan pracampur terbaharu yang memulakan penghantaran Jun 2019, selain gula cair menerusi penghantaran pertama Oktober 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, pelaburan dalam kemudahan gula pracampur di kilang penapis terbaharu, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd memberi peluang untuk MSM menembusi pasaran negara lain.

“Kami berpeluang meneroka pasaran pracampur di negara Asia yang mana jumlah permintaan semasa dianggarkan sekitar tiga juta tan setahun,” katanya.

Menurutnya, MSM merancang menembusi pasaran sirap jagung khususnya di Asia dengan anggaran permintaan mence-



KHAIRIL Anuar

cah empat juta tan setahun yang menjadi platform bagi syarikat itu memperluaskan eksport pracampuran dan gula cair ke pasaran global.

“Kami aktif meninjau pasaran gula Singapura dari segi meningkatkan bekalan gula secara langsung ke negara itu,” katanya.

Katanya, faktor lokasi MSM Johor yang berhampiran dengan Singapura serta bersaiz 250,000 tan metrik menjadi peluang besar untuk syarikat itu.



25 OCT, 2019

## Sasar eksport 100,000 tan gula ke Asia

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) berhasrat mengeksport lebih 100,000 tan produk gula ke Asia menjelang 2021. Ia merangkumi pengeluaran gabungan pracampur terbaharu yang memulakan penghantaran Jun 2019, selain gula cair menerusi penghantaran pertama Oktober 2019. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, pelaburan dalam kemudahan gula pracampur di kilang penapis terbaharu, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd memberi peluang untuk MSM menembusi pasaran negara lain.